

ZAKAT GAJI DAN PENDAPATAN BEBAS **(Satu analisa tentang strukturnya)**

Abdul Rashid Dail (Ph.D)

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu kita menegaskan bahawa persoalan ini, adalah merupakan persoalan yang mungkin berlaku perbezaan pendapat padanya. Maka kajian ini bertujuan untuk membuat satu analisa secara akademik yang kita fikir dapat menunjukkan pendapat yang kuat, atau dengan erti kata yang lain yang lebih hampir kepada dalil-dalil syariah.

Apa juga pendapat yang kita kemukakan tidak seharusnya menimbulkan suasana yang keruh, kerana ia merupakan kajian/penyelidikan perseorangan, dan bukan merupakan fatwa, setiap seseorang berhak untuk membuat penilaian terhadapnya dan membuat keputusan yang tertentu, dalam usaha untuk menerimanya atau menolaknya.¹

Kita memberikan perhatian kepada kajian berhubung dengan struktur wajibnya zakat gaji dan pendapatan bebas, kerana ternyata sekali bahawa pemikiran masyarakat setempat banyak bercelaru berhubung dengannya.

Kecelaruan itu berbangkit sebab pada keseluruhannya belum ada dalam masyarakat setempat usaha yang khusus yang dapat memberikan penjelasan yang sempurna berhubung dengannya, atau kerana sikap yang taassub kepada satu-satu madhab tanpa menggunakan pemikiran yang terbuka.

Kajian ini memerlukan kita berbuat:

- i. Menggunakan istilah-istilah yang tertentu
- ii. Menggunakan Metodologi yang tertentu

A. TERMINOLOGI

Dalam kajian ini kita menggunakan istilah-istilah seperti yang berikut:

Pendapatan: Kita gunakan bagi gaji dan pendapatan bebas

Gaji: Kita gunakan bagi pendapatan yang diperolehi oleh seseorang melalui pekerjaannya dengan orang lain/sesuatu majikan.

Pendapatan Bebas: Kita gunakan bagi pendapatan yang diperolehi oleh seseorang dengan bekerja sendiri (tidak termasuk harta-harta yang mempunyai struktur zakatnya yang tersendiri).

Keperluan Asasi: Kita gunakan untuk nafkah keperluan keluarga bagi survivalnya, mengikut penilaian Islam.

Tanggungan Utama: Tanggungan hutang kerana kos pengurusan/per-

¹Rujuk Nadwah Akademik, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

laksanaan kerja bagi satu-satu harta yang diwajibkan zakatnya.

Tanggungan Sebenar: Tanggungan hutang kerana selain dari apa yang dimaksudkan dalam tanggungan utama.

Tanggungan Biasa: Segala tanggungan yang dimaksudkan dalam tanggungan utama, tetapi dilakukan secara tidak hutang, iaitu segala kos yang dibayar secara tunai bagi pengurusan/perlaksanaan kerja bagi sesuatu harta yang diwajibkan zakatnya.

B. METODOLOGI

Perbincangan dalam kajian ini tidak menjadikan madhhab Shāfi‘ī sebagai satu keutamaan, kerana perbincangannya adalah menghendaki kita supaya tidak terikat dengan mana-mana satu madhhab yang tertentu.

Keputusan yang kita buat dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada kekuatan dalil/punca-punca hukum dalam Islam, mengikut keutamaannya.

POKOK persoalan:

Dengan merujuk kepada struktur zakat, maka dapatlah kita menyaran-kan syarat-syarat/ketentuan-ketentuan yang berkaitan dengan wajibnya zakat gaji dan pendapatan bebas seperti berikut:

- i. Pemilikan yang sempurna
- ii. Ia merupakan penghasilan
- iii. Cukup nisabnya.
- iv. Cukup haul (setahun hijrah) ke atas nisabnya (menjadi syarat atau tidak)
- v. Kadar zakatnya yang wajib dikeluarkan.

Kita akan perkatakan kriteria ini satu persatu, setelah itu kita akan kemukakan perhubungan kewajipan membayar zakat gaji dan pendapatan bebas dengan tanggungan membayar cukai pendapatan.

– Sebelum kita memperkatakan persoalan ini, adalah baik kita menjelaskan bahawa kajian ini dibuat berdasarkan kepada penerimaan bahawa mata wang yang kita gunakan sekarang ini, yang mempunyai kuasa bayaran/penjelasan sesuatu nilai adalah merupakan harta yang termasuk dalam jenis yang wajib zakat padanya.

Kita tidak berminat untuk mengemukakan sedikit perbezaan pendapat berkenaan dengan ini, kerana ia tidak merupakan perkara yang mustahak, malah ia hanyalah akan menjauhkan kita dari roh pensyariatan zakat itu sendiri kalau cuba mempertahan pendapat sebilangan kecil (begitu kecil) yang mengatakan bahawa tidak wajib langsung zakat pada mata wang yang kita gunakan sekarang ini.²

²Pendetailan persoalan ini boleh dirujuk kepada Yūsuf al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāt*, Matābi‘Dār al-Qalam, Beirut, cetakan pertama, 1393/1973, Jld. 1, h. 271, 272, 273, 274, 275 dan 276.

(i) *Pemilikan yang sempurna*

Tidak ada sesuatu keraguan tentang sempurnanya pemilikan gaji dan pendapatan bebas yang diterima oleh seseorang itu.

Syarat ini adalah didasarkan kepada al-Qurān:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً³

Maksudnya: Ambillah dari harta mereka sedekah (zakat)

Rasulullah s.a.w. juga menjelaskan syarat ini dalam Hadithnya, iaitu:

أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ⁴

Maksudnya: Sesungguhnya Allah mewajibkan ke atas mereka sedekah (zakat) pada harta-harta mereka.

(ii) *Perkembangan/Penghasilan*

Yang dimaksudkan dengan perkembangan di sini ialah, bahawa sesuatu harta itu merupakan penghasilan atau ia boleh menghasilkan sesuatu penghasilan.

Pendapat fuqahā' tentang pensyarat syarat ini dapat kita lihat dari penekanan mereka bahawa pensyarat haul itu adalah dengan tujuan pengembangan.⁵

Hikmat dari pensyarat ini dapat kita lihat dari apa yang dikemukakan oleh al-Kāsānī, beliau menjelaskan bahawa zakat itu bermaksud "perkembangan" maka ia tidak wujud melainkan dari harta yang berkembang. Perkembangan di sini tidak dimaksudkan dengan semata-mata harta itu sudah berkembang, tetapi ia dimaksudkan juga bahawa harta itu mempunyai persediaan untuk diperkembangkan, sama ada dengan perniagaan atau penternakan⁶ (*atau dengan apa jalan yang boleh memperkembangkannya*).

Dari ketentuan ini, maka gaji dan pendapatan bebas yang diterima oleh seseorang sekarang ini adalah termasuk dalam kategori ini, malah ia berada

³ Surah al-Taubah, 9: 103, ada beberapa ayat yang lain yang membawa maksud yang sama.

⁴ Al-Bukhārī, *Sahīb al-Bukhārī*, Idārat al-Tībā'ah al-Munīriyyah, Mesir, tanpa tarikh, j. 2, h. 215.

⁵ Rujuk Manṣūr Yūnus al-Bahuti, *al-Rawud al-Murabba'*, al-Maṭba'ah al-Salafiyyah, Kaherah, cetakan VII, 1392H., h. 107.

⁶ Rujuk al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, Maṭba'ah sharikat al-Matbū'at al-Ilmiyyah, Kaherah, cetakan I, 1327H., j. 2, h. 11.

dalam kedudukan yang begitu baik, kerana ianya sendiri pada keseluruhannya adalah merupakan perkembangan.

Yūsuf al-Qardāwī menjelaskan bahawa jumhūr' ummah bersetuju bahawa di antara 'illah mewajibkan zakat dalam sesuatu harta yang tertentu ialah perkembangannya atau sifatnya yang mempunyai persediaan untuk berkembang, kemudian beliau menjelaskan kedudukan ini bagi setiap harta yang diwajibkan zakat padanya.⁷

(iii) *Kadar Nisab Gaji dan Pendapatan Bebas*

Pensyaratannya dapat kita petik dari Ḥadīth Rasulullah s.a.w. iaitu:-

اَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي اُمُوْلِهِمْ
تَوْخِذُ مِنْ اُغْنِيَاهُمْ وَتَرُدُّ عَلَى فَقَرَائِهِمْ⁸

Maksudnya: Sesungguhnya Allah mewajibkan ke atas mereka sedekah (zakat) pada harta-harta mereka, diambil dari orang-orang kaya mereka dan berikan kepada orang-orang miskin dari kalangan mereka.

Ada dua pendapat dalam menentukan kadar nisab gaji dan pendapatan bebas, iaitu:⁹

- i. Pendapat yang mengatakan bahawa nisab gaji dan pendapatan bebas ialah nisab pertanian
- ii. Pendapat yang mengatakan bahawa nisab gaji dan pendapatan bebas ialah nisab emas dan perak.

Kita adalah cenderung kepada pendapat yang kedua, kerana kita menerima gaji dan pendapatan bebas itu (dalam kontek sekarang) adalah dalam bentuk nilai wang=nilai emas.

Kadar nisab emas ialah 85 gram, dan kadar nisab perak ialah 595 gram.¹⁰

Kadar ini adalah bersamaan dengan 25.2259 mayam emas, dan 176.5913 mayam perak.¹¹

⁷Rujuk Yūsuf al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāt*, jld. 1, h. 141.

⁸Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, j. 2, h. 215.

⁹Rujuk Yūsuf al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāt*, Jld. 1, h. 513.

¹⁰Ibid., b. 260.

¹¹Ini adalah merupakan perimbangan yang kita buat berdasarkan kepada pertukaran nilai di antara dua bentuk timbangan yang berkenaan.

Berdasarkan kepada ini Majlis Agama Islam Selangor menetapkan bahawa kadar nisab gaji dan pendapatan bebas ialah \$1,200.00.¹²

PENOLAKAN SELAIN DARI CUKAI KETIKA MENGIRA NISAB:

Kita dapat menyarankan empat pandangan dalam masalah penolakan selain dari cukai ketika menentukan nisab gaji dan pendapatan bebas, iaitu seperti berikut:—

1. Pendapat yang menolak dari gaji dan pendapatan bebas ketika menentukan nisabnya empat perkara berikut:—

- a. Keperluan asasi
- b. Tanggungan utama
- c. Tanggungan sebenar
- d. Tanggungan biasa

Ini adalah merupakan pendapat madhhhab Hanafi.¹³

2. Pendapat yang menolak dari gaji dan pendapatan bebas ketika menentukan nisabnya tiga perkara berikut:—

- a. Tanggungan utama
- b. Tanggungan sebenar
- c. Tanggungan biasa

3. Pendapat yang menolak dari gaji dan pendapatan bebas ketika menentukan nisabnya dua perkara berikut:—

- a. Tanggungan utama
- b. Tanggungan sebenar

4. Pendapat yang menolak dari gaji dan pendapatan bebas ketika menentukan nisabnya satu perkara yang berikut:—

- a. Tanggungan utama

Pendapat ke-2 adalah merupakan pendapat ‘Aṭā’ dan Ibn al-‘Arabī.

Pendapat ke-3 adalah merupakan pendapat Ibn ‘Umar, Abū ‘Ubaid dan Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal mengikut satu riwayat darinya. Pendapat ke-4 adalah merupakan pendapat Abdullah Ibn ‘Abbās. Ini ialah apa yang kita faham dari apa yang dikemukakan oleh Yūsuf al-Qardāwī tentang penolakan dari hasil pertanian ketika menentukan nisabnya.¹⁴

¹² Rujuk Majlis Agama Islam Selangor, Borang Z/H 2/74.

¹³ Rujuk Yūsuf al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāt*, jld. 1, h. 279, 280.

¹⁴ Ibid., h. 391–396.

Madhab Hanafi adalah berhujah dengan dalil-dalil yang berikut:—

1. DALIL MELALUI HADITH NABAWI.

Iaitu Hadith Rasul Allah s.a.w.

وَأَنْ وَزِكَّةً أُمَوَالِكُمْ طَيِّبَةٌ بِهَا اَنْفُسُكُمْ¹⁵

Maksudnya: Dan tunaikanlah zakat harta-harta kamu sekalian dengan penuh kerelaan hati kamu sekalian.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabrani dari Abi al-Darda'. Yusuf al-Qardawi menjelaskan bahawa Hadith ini adalah daif, oleh kerana beliau sependapat dengan pendapat golongan ini, maka beliau cuba menguatkan hujahnya dengan Hadith Rasul Allah s.a.w. yang lain, iaitu:¹⁶ Diriwayatkan oleh Bukhari

خَيْرُ الصَّدَقَةِ مَا كَانَ عَنْ ظَهُورِ غَنِيٍّ¹⁷

Maksudnya: Sebaik-baik sedekah (zakat) bila ia berada ketika wujudnya kekayaan (kemampuan).

Begitu juga beliau cuba menguatkan hujahnya dengan

2. AL-QURAN; iaitu:

وَيَسِّرْ لِلنَّاسِ مَا ذَرَّا يَنْفَقُونَ قُلْ الْعَفْوُ¹⁸

Maksudnya: Dan mereka bertanyakan Engkau apakah yang mereka keluar sebagai zakat, maka katakanlah; *lebihan* (العفو)

Yusuf al-Qardawi menjelaskan bahawa Ibn 'Abbas, Ibn Kathir, Ibn 'Umar, Mujahid, 'Ata', Akrimah, Sa'id bin Jubair, Muhammad bin Ka'b, al-Hasan, Qatadah, al-Qasim, Salim, 'Ata' al-Kharasani, al-Rabi' bin Anas dan beberapa orang lagi, mengatakan bahawa (العفو) dalam ayat ini bermaksud: *selebih dari keperluan asasi*,¹⁹ apa yang dimaksudkannya de-

¹⁵ Rujuk al-Kasanî, *Badâ'i' al-Sanâ'i'*, j. 2, h. 11.

¹⁶ Rujuk Yusuf al-Qardawî, *Fiqh al-Zakât*, Jld. 1, 151, 154 & 155.

¹⁷ Al-Bukhari, *Sahih*, j. 2, h. 228.

¹⁸ Surah al-Baqarah, 2: 219.

¹⁹ Rujuk Yusuf al-Qardawî, *Fiqh al-Zakât*, Jld. 1, h. 154.

ngan penolakan di sini adalah mencakupi keempat-empat perkara yang dikemukakan oleh madhhab Ḥanafi di atas.

Kalau kita perhatikan ḥadīth dan ayat Quran di atas, kita tidak dapat menyarankan satu ketegasan, bahawa zakat gaji dan pendapatan bebas hanya diwajibkan setelah penolakan keempat-empat perkara yang telah kita kemukakan bagi madhhab Ḥanafi. Ini dapat kita perhatikan dengan mengemukakan alasan pendapat kedua, iaitu:—

Mereka menegaskan bahawa ketiga-tiga perkara itu sahajalah yang merupakan beban/tanggungan pengeluar zakat yang memberi kesan yang sebenar dalam penentuan sama ada dia mampu sebagai seorang pembayar zakat atau tidak, maka ia adalah mustahak ditolak ketika menentukan nisab.²⁰

Ketentuan pendapat kedua ini adalah sesuai dengan kepentingan kedua-dua belah pihak, iaitu pengeluar zakat dan penerimanya.

Dengan penjelasan di atas ternyata bahawa ketentuan yang dikemukakan oleh golongan ketiga dan keempat adalah memberatkan ke atas pihak pengeluar zakat. Maka kita berpendapat bahawa pendapat kedua-lah yang seharusnya dilaksanakan.

PENOLAKAN CUKAI KETIKA MENGIRA NISAB

Dalam kontek ini baik kita kemukakan kedudukan penolakkan cukai tanah dari hasil pertanian ketika menentukan nisabnya.

Sufyān bin Sa‘īd al-Thaurī,²¹ ‘Umar bin Abd. Aziz,²² Imām Aḥmad bin Ḥanbal,²³ Ibn ‘Abbās,²⁴ Ibn ‘Umar, menjelaskan bahawa cukai tanah adalah merupakan kos ke atas tanah pertanian yang diusahakan maka ia adalah ditolak dari nisab ketika pengiraannya.²⁵

Pendapat mereka yang menolak cukai tanah (kharrāj) ketika mengira nisab pertanian itu, berada dalam kedudukan bahawa kadar zakat yang dikeluarkan tidak ditolak dari kadar cukai tanah itu.

Berdasarkan kepada kedudukan ini, dapatlah kita menyarankan bahawa cukai pendapatan itu adalah ditolak dari gaji dan pendapatan bebas, sekiranya pembayaran kadar zakat itu tidak ditolak dari kadar cukai pendapatan yang mesti dibayar.

²⁰Ibid., h. 395.

²¹Rujuk Yūsuf al-Qardāwiyy, *Fiqh al-Zakat*, Jld. 1, h. 393.

²²Ibid.

²³Ibid.

²⁴Ibid.

²⁵Ibid.

Sekiranya kadar zakat itu ditolak dari kadar cukai yang mesti dibayar, maka hanya kadar cukai sebenarnya sahaja (setelah penolakan kadar zakat) ditolak dari gaji dan pendapatan bebas ketika mengira nisabnya.

Kedudukan ini tidak membolehkan kita membuat kiraan yang tepat secara mutlak, maka kita terpaksa membuat andaian kadar zakat yang akan dikenakan untuk mendapatkan kadar cukai yang mesti dibayar, dan ditolak dari gaji dan pendapatan bebas bagi menentukan nisabnya bagi mendapatkan kadar zakat yang sebenarnya mesti dibayar, andaian ini mestilah dapat dipastikan bahawa ia tidak akan mengurangkan kadar zakat yang sebenarnya wajib dikeluarkan (ini akan kita lihat dalam contoh penyelesaian nanti).

JANGKA MASA BAGI PENGIRAAN NISAB:

Satu tahun hijrah adalah merupakan satu jangka masa yang digunakan untuk mempersatukan (mencampurkan) di antara beberapa penerimaan gaji dan pendapatan bebas yang diperolehi oleh seseorang bagi menentukan nisabnya.

Penentuan jangka masa ini dapat difahamkan dari pendapat ‘ulamā’ yang sepakat (عُلَمَاء) mengatakan bahawa sesuatu harta yang diwajibkan zakat itu hanya dikeluarkan zakatnya sekali sahaja bagi satu-satu tahun Hijrah.²⁶ Penentuan jangka masa ini diamalkan dengan jelas dalam pengiraan nisab pertanian, galian, penternakan dan perniagaan.

DISYARATKAN ATAU TIDAK, CUKUPNYA HAUL KE ATAS NISAB GAJI DAN PENDAPATAN BEBAS

Persoalan inilah yang sebenarnya merupakan masalah yang khusus tentang penentuan sejauh manakah zakat gaji dan pendapatan bebas itu dapat dikenakan (diwajibkan) ke atas mereka yang berkenaan; kriteria inilah yang menjadi perbincangan yang hangat dan meluas di kalangan para fuqahā’.

Kita ingin menarik perhatian semua, bahawa dalam persoalan ini, kita cuba membuat penjelasan yang dapat menentukan pendapat yang lebih kuat dan sesuai dengan roh pensyariatan zakat. Maknā terlebih dahulu kita menekankan, bahawa wujudnya perbezaan pendapat di kalangan ‘ulamā’ Islam dalam perkara ini adalah wujud sejak zaman Ṣahābah lagi; ini menunjukkan bahawa memang tidak ada ketegasan dari Rasul Allah s.a.w. berhubung dengannya.

Sehubungan dengan ini, kita kemukakan dua perkara penting berkaitan dengan haul, iaitu:

- i. Haul sebagai satu jangka masa yang dijadikan sebagai satu pembatasan masa untuk menentukan satu-satu kumpulan harta yang diwajibkan zakatnya.

²⁶Ibid., h. 163 & 164.

ii. Haul sebagai satu syarat yang dikenakan ke atas nisab sesuatu harta yang diwajibkan zakatnya.

Perkara (i) tidak dipertikaikan oleh fuqahā'. Dalam perkara (ii) dalam kontek zakat gaji dan pendapatan bebas para fuqahā' terbahagi kepada tiga golongan:

i. Golongan yang mewajibkan haul ke atas nisab gaji dan pendapatan bebas. Golongan ini terdiri dari pengikut madhab Shāfi'i, akibatnya; begitu jauh kemungkinan untuk mewajibkan zakatnya.

ii. Golongan yang mensyaratkan sempurna nisab pada awal haul dan pada akhirnya, natijahnya, hanya gaji bulan terakhir sahaja yang wajib zakatnya, golongan ini terdiri dari madhab Hanafi.²⁷

iii. Golongan yang tidak mensyaratkan haul ke atas nisab gaji dan pendapatan bebas, natijahnya zakat wajib ke atasnya sejak dari cukup nisabnya, hingga habis masa satu-satu tahun yang tertentu, dan bermulalah pula ketentuan dalam tahun yang lain. Pendapat ini dipelupuri oleh Yūsuf al-Qardāwī²⁸ dan Dr. Shauqī Ismā'il Shahātah.²⁹

Pendapat-pendapat ini adalah bertitik tolak dengan mempersoalkan gaji dan pendapatan bebas sebagai harta perolehan (مال مستفاد), yang telah ada dua pendapat para Sahabat padanya, iaitu yang mensyaratkan haul ke atas nisabnya dan yang tidak mensyaratkannya.³⁰

DALIL DAN PENILAIANNYA

Dalil bagi pendapat-pendapat di atas dapat dikemukakan dan diperincangkan dalam tiga kategori, iaitu:

- a. Ḥadīth Nabawī
- b. Ijmā'
- c. Qiās

a. Dalil Melalui Ḥadīth Nabawī

Golongan pertama dan kedua mengemukakan — sebagai dalil-Ḥadīth Nabawī yang mensyaratkan haul. Ḥadīth berkenaan diriwayatkan melalui beberapa titisan (sanad), beberapa perbezaan lafaz berlaku di antara satu nas dalam satu titisan dengan nas dalam titisan yang lain, tetapi maksudnya masih sama, iaitu mensyaratkan haul bagi wajibnya zakat. Oleh kerana itu kita hanya akan mencatatkan satu nasnya sahaja, iaitu nas yang

²⁷ Rujuk Yūsuf al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāt*, jld. 1, h. 489.

²⁸ Ibid., Jld. 1, h. 505

²⁹ Rujuk Dr. Shauqī Ismā'il Shahātah, *Muḥāsabat Zakāt al-Amwāl 'Ilman wa-'Amalan*, edaran; Maktabah Englo al-Misriyyah, cetakan pertama, Cairo, 1970 m., 155.

³⁰ Rujuk Abū 'Ubaid, *d-Amwāl*, (ed. Muhammd Khalīl Harrās) Dār al-Shurūq, Cairo, cetakan pertama, 1388/1968, h. 563, 564 ' 565.

marfū' (yang jelas sandarannya kepada Rasul Allah s.a.w.) yang diriwayatkan oleh Sayyidinā 'Alī ibn Abī Ṭālib, kemudian disambung periyatannya hingga sampai kepada Abī Dā'ūd yang mencatatkan Hadith berkenaan dalam Sunannya seperti berikut:

³¹ إِذَا كَانَتْ لَكَ مائَةً دِرْهَمٍ وَحَالَ عَلَيْهَا الْحُولُ فِيهَا خَمْسَةُ دِرْهَمٍ وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ يُعْنِي فِي الْذَّهَبِ – حَتَّى يَكُونَ لَكَ عَشْرُونَ دِينَارًا وَحَالَ عَلَيْهَا الْحُولُ فِيهَا نَصْفُ دِينَارٍ فَمَا زَادَ فِي بَحْسَابِ ذَلِكِ • وَلَيْسَ فِي مَالِ زَكَاةٍ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحُولُ • • • (رواية أبي داود)

Maksudnya: Maka apabila kamu memiliki 200 dirham dan berlaku ke atasnya haul (satu tahun Hijrah), maka wajib padanya 5 dirham, dan tidak wajib ke atas kamu sesuatu — iaitu pada emas — hingga kamu memiliki 20 dinar, dan berlalu ke atasnya haul, maka wajib padanya $\frac{1}{2}$ dinar, dan apabila lebih maka dikira mengikut kadar yang demikian. Dan tidak wajib pada sesuatu harta zakat hingga berlalu ke atasnya haul.

Hadith yang dimaksudkan di atas ialah Ḥadīth-Ḥadīth yang mensyaratkan haul, bagi wajibnya zakat secara mutlak, di samping itu kedua-dua golongan yang di atas adalah juga mengemukakan Ḥadīth Nabawī yang mensyaratkan haul bagi wajibnya zakat harta perolehan (مال مستفاد) Nasnya ialah:—

³² مَنْ أَسْتَفَادَ مَالًا فَلَا زَكَاةً عَلَيْهِ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحُولُ عِنْدَ رِبِّهِ • • • (رواية أبي داود)

Maksudnya: Sesiapa yang memperolehi sesuatu harta, maka tidak wajib zakat ke atasnya, melainkan setelah berlalu ke atasnya haul di sisi pemiliknya.

³¹ Abū Dā'ūd, *Sunan*, Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādīh, Mesir, cetakan 1, 1371H/1952M., J. 1, h. 362.

³² al-Tarmidhī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādīh, Mesir, cetakan 1, 1356H/1937M., j. 3, h. 25, 26.

Golongan yang ke-iii, iaitu golongan yang tidak mensyaratkan haul ke atas nisab gaji dan pendapatan bebas adalah berdalil dengan Ḥadīth Rasul Allah s.a.w. iaitu:—

³³ لِيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسٍ زُوْدٍ صَدَقَةً مِنَ الْأَبْلَلِ
وَلِيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسٍ أَوْ أَقْلَى صَدَقَةً وَلِيْسَ فِيمَا دُونَ
خَمْسَةً أَوْ سَقْ صَدَقَةً . (رَوَايَةُ الْبَخَارِيِّ)

Maksudnya: Tidak wajib zakat pada bilangan yang kurang dari lima ekor unta; dan tidak wajib zakat pada kadar yang kurang dari lima aqiqah (200 dirham), dan tidak wajib zakat pada kadar yang kurang dari lima ausuq (300 gantang Baghdad bijian, buah-buahan).³⁴

dan:—

³⁵ وَفِي الرِّزْقِ بِعْدَ الْعَشْرِ (رَوَايَةُ الْبَخَارِيِّ)

Maksudnya: Dan wajib pada perak satu perempat puluh.

PENILAIAN DALIL DARI ḤADĪTH NABAWI

Ḥadīth Nabawī yang digunakan sebagai dalil dalam persyaratan haul ke atas nisab harta (termasuk gaji dan pendapatan bebas) untuk dikeluarkan zakatnya, berada dalam dua kedudukan, iaitu:—

- i. Mawqūf; iaitu tidak sampai titisan periyatannya (sanadnya) kepada Rasul Allah s.a.w.
- ii. Marfū'; iaitu yang sampai titisan periyatannya (sanadnya) kepada Rasul Allah s.a.w.

Kita tidak akan mencatitkan sanad Ḥadīth yang mawqūf satu persatu, kerana kita akan mencatitkan sanad Ḥadīth yang marfū' satu persatu, dengan ini ternyata bahawa yang lainnya adalah termasuk dalam kategori Ḥadīth yang mawqūf.

Yang mustahak kita perkatakan tentang Ḥadīth yang mawqūf yang berkenaan ialah; bahawa Ḥadīth mawqūf adalah termasuk dalam kategori ḥadīth ḏā'if mengikut pendapat yang aşah (kuat).³⁶

³³ Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ, j. 2, h. 234

³⁴ Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, telah membuat persamaan 300 gantang Baghdad yang berkenaan dengan 363 gantang padi (gantang Malaysia), kita tidaklah membincangkan perimbangan ini dalam kajian ini, kerana ia tidak berkenaan.

³⁵ Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ, j. 2, h. 238.

³⁶ Rujuk Muhammad Jamaluddin al-Qāsimī al-Dimashqī, *Qawā'id al-Taḥdīth min funūn muṣṭalab al-Ḥadīth*, (ed. Muhammad Bahjat al-Baṭṭar), Matba'ah 'Isā al-Bābī al-Halabī, Masir, cetakan kedua, 1380/1961, h. 130.

Sekarang kita akan menerangkan bahawa Ḥadīth yang marfū‘ yang men-syaratkan haul ke atas nisab harta yang diwajibkan zakatnya (termasuk gaji dan pendapatan bebas) adalah da‘īf juga, kerana kesemua sanadnya meng-andungi periyawat yang da‘īf, iaitu seperti berikut:—

i. Ḥadīth yang diriwayatkan oleh Saiyyidinā ‘Alī dari Rasul Allah s.a.w. sanadnya yang seterusnya ialah; *al-Ḥārith al-A‘wār (al-Sha‘biyy)*, ‘Āsim bin Damrah, Abu Ishak, Jarīr bin Hāzim, Ibn Wahb, Sulaiman bin Daud al-Mahriyy dan Abū Dā‘ūd yang meriwayatkan Ḥadīth ini dalam Sunannya.³⁷

al-Ḥārith al-A‘wār (al-Sha‘biyy) dalam sanad ini adalah merupakan peri-wayat Ḥadīth yang banyak diperkatakan tentang dirinya oleh ‘ulamā’ Ḥadīth. Abū Ishāk dan ‘Alī al-Madiniyy adalah di antara ‘ulamā’ Ḥadīth yang mengatakan bahawa beliau adalah pembohong (كاذب) maka Ḥadīth melalui sanad ini adalah da‘īf.³⁸

ii. Ḥadīth yang diriwayatkan oleh Saiyyidatuna ‘Aishah dari Rasul Allah s.a.w., sanadnya yang seterusnya ialah; *Ḥāritab bin Muḥammad (Abī Rijāl)*, Shujjā‘ bin al-Walīd, Nasr bin ‘Alī dan Ibn Mājah yang meriwayatkan Ḥadīth ini dalam Sunannya.³⁹

Ḥāritab bin Muḥammad (Abī Rijāl), adalah merupakan Periwayat Ḥadīth yang dianggap da‘īf oleh banyak orang ‘ulamā’ Ḥadīth, Ibn Ma‘īn dan al-Nasā‘i adalah di antara mereka yang mengatakan bahawa beliau adalah tidak tepat (thiqah/ ثقہ) periwayatannya.⁴⁰

iii. Hadīth yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar dari Rasul Allah s.a.w. terdapat dalam sanadnya *Ismā‘il bin ‘Iyāsh*, beliau meriwayatkan Ḥadīth berkenaan dari bukan penduduk Sham (Syria),⁴¹ periwayatan beliau yang begitu bentuknya adalah da‘īf.⁴²

iv. Ḥadīth yang diriwayatkan oleh Anas dari Rasul Allah s.a.w. terdapat dalam sanadnya Hisān bin Siyāh⁴³ banyak ‘ulamā’ Ḥadīth yang mengata-

³⁷ Rujuk Abū Dā‘ūd, *Sunan*, j. 2, h. 362.

³⁸ Rujuk Ibn Ḥajar al-‘Asqalāniyy, *Tabdhib al-Tabdhib*, Dār Sadir, Beirut, 1968 m. jld. 2, h. 145, 146 & 147.

³⁹ Rujuk Ibn Mājah, *Sunan*, Dār Ihyā‘ al-Kutub al-‘Arabiyyah, Mesir, 1372/1925, j. 1, h. 571.

⁴⁰ Rujuk Ibn Ḥajar al-‘Asqalāni, *Tabdhib al-Tabdhib*, Jld. 2, h. 166.

⁴¹ Rujuk al-Zarqānī, *Sharḥ Muwatta’ Imām Mālik*, (ed. Ibrahim ‘Aṭwah ‘Iwaḍ) Matba‘ah Muṣṭaffā al-Bābī al-Ḥalābi wa Aulādih, Mesir, tanpa tarikh, j. 2, h. 315.

⁴² Rujuk Ibn Ḥajar al-‘Asqalāni, *Tabdhib al-Tabdhib*, Jld. 1, h. 324.

⁴³ Rujuk al-Shawkāni, *Nayl al-Awtār*, Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābi, Mesir, cetakan terakhir, tanpa tarikh, j. 4, h. 157.

kan bahawa beliau adalah da'if, di antara mereka yang berpendapat demikian ialah Ibn 'Idā dan al-Dāruquṭnī.⁴⁴

Sekarang marilah pula kita memperkatakan kedudukan Ḥadīth yang berhubung khusus dengan harta perolehan (مال مستفاد) yang telah kita kemukakan di atas.

Hadith berkenaan diriwayatkan oleh Tarmidī melalui dua sanad, iaitu:⁴⁵

i. Diriwayatkannya dari 'Abd. Rahmān bin Zaid bin Aslam, dari bapanya, dari Ibn 'Umar dari Rasul Allah s.a.w.

Hadith ini adalah marfū', tetapi salah seorang periyatnya iaitu; Abd. Rahmān bin Zaid bin Aslam, adalah da'if, di antara ulamā' Ḥadīth yang mengatakan kedudukan beliau yang demikian ialah Imām Ahmad Ibn Hanbal, Ibn Ma'in dan 'Alī bin al-Madīniyy.⁴⁶

ii. Diriwayatkannya dari Ayūb, dari Nāfi', dari Ibn 'Umar. Ternyata bahawa Ḥadīth ini terhenti (موقوف) pada Ibn 'Umar.⁴⁷

Maka Ḥadīth yang mensyaratkan haul (setahun hijrah) ke atas nisab harta perolehan (مال مستفاد) adalah juga da'if.

Berdasarkan kepada penjelasan yang telah dikemukakan dapatlah dipastikan bahawa tidak ada Ḥadīth saḥīḥ yang dapat dijadikan dalil pensyaratkan haul ke atas nisab gaji dan pendapatan bebas.

Dengan ini juga dapat dipastikan bahawa Ḥadīth saḥīḥ yang tidak mensyaratkan haul tetap dengan pengertiannya tanpa sebarang pengkhususan. Maka hujah pendapat yang tidak mensyaratkan haul ke atas nisab gaji dan pendapatan bebas adalah lebih kuat.

Ada percubaan mengkhususkan Ḥadīth saḥīḥ yang tidak mensyaratkan haul dengan al-Quran, iaitu:—

⁴⁸

وَالَّذِينَ يَكْرِزُونَ إِلَى الْهُبَ وَالْفَضَةِ وَلَا يَنْفَقُونَهَا
فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبِشِّرْهُمْ بِعِذَابٍ أَلِيمٍ.

Maksudnya: Dan mereka yang menyimpan emas dan Perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka berilah amaran keras kepada mereka dengan azab yang amat pedih.

⁴⁴ Rujuk Abū 'Abdullah Muḥammad bin 'Uthmān al-Dhahabī, *Mīzān al-I'tidāl*, (ed. Ali Muḥammad al-Bajāwī), Maṭba'ah 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī, 1382/1963, Jld. 1, h. 478.

⁴⁵ Rujuk al-Tarmidī, *al-Jāmi'* *al-Ša'bīh*, j. 3, h. 26.

⁴⁶ Ibid. Rujuk juga Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Tahdīb al-Tahdīb*, jld. 6, h. 178.

⁴⁷ Ibid. Rujuk juga Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Tahdīb al-Tahdīb*, jld. 6, h. 178.

⁴⁸ Surah al-Taubah, 9: 34.

Percubaan ini adalah begitu kabur dan amat susah hendak diterima. Sebenarnya menyimpan (كُنْجِنْ) dalam ayat di atas adalah merupakan sifat kepada harta yang tidak dikeluarkan zakatnya dan sikap berbuat demikian adalah dikecam dengan sekeras-kerasnya.⁴⁹

b. *Dalil melalui Ijmā'*

Golongan yang mensyaratkan haul cuba menekankan bahawa ijmā' telah berlaku dalam pensyaratannya haul, berdasarkan kepada zahir pendapat yang dikemukakan oleh al-Bājī dan Ibn Ḥajar al-Asqalānī.⁵⁰

Kita tidak seharusnya tersalah dalam menyelami tentang sejauh mana ijmā' berlaku dalam konteks persoalan ini. Dengan penelitian yang mendalam kita akan menemui hakikat yang sebenarnya ialah:

(1) Kadar yang berlaku ijmā' padanya ialah; emas dan perak yang telah dikeluarkan zakatnya, maka ia tidak akan dikenakan zakat untuk kali keduanya, melainkan sesudah cukup haulnya, iaitu satu tahun Hijrah.

(2) Ketentuan (1) dapat dibuat kerana sebenarnya ijmā' tidak berlaku dalam pensyaratannya haul (setahun Hijrah) ke atas nisab harta perolehan (مال مستفاد) yang termasuk ke dalamnya emas dan perak. Beberapa orang sahabat tidak mensyaratkan yang demikian, di antara mereka ialah Abdullah bin Mas'ūd, 'Abdullah bin 'Abbās⁵¹ dan Mu'awiyah bin Abī Ṣafyān.⁵²

c. *Dalil Melalui Qias*

Dua dalil di atas (a) dan (b) dikemukakan ketika kita memperkatakan gaji dan pendapatan bebas itu sebagai harta perolehan (مال مستفاد). Kekuatan kedua-dua dalil yang berkenaan boleh diperteguhkan lagi dengan menggunakan Qias.

Sebenarnya kita boleh membuat satu pendekatan qias di antara gaji dan pendapatan bebas dengan hasil tanaman atau galian, kerana kesemuanya itu mempunyai persamaan asas, iaitu *kesemuanya itu adalah merupakan perolehan seseorang dari usaha tenaganya*.

⁴⁹ Rujuk Abū Bakar al-Rāzī al-Jaṣṣāṣ, *Aḥkām al-Qur'ān* (ed. Muhammad al-Ṣādiq Qamḥāwī), Dar al-Mashaf, Kaherah, tanpa tarikh, j. 4 h. 392 & 303. Dan rujuk juga Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Auladīh, Mesir, 1378/1959, jld. 4, h. 13.

⁵⁰ Rujuk Abū 'Abdullah Muhammad Abd. al-Bāqī bin Yūsuf al-Zarqānī, *Sharḥ al-Muwatta' al-Imām Mālik*, Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Auladīh, Mesir, cetakan pertama, 1381/1961, j. 2 h. 317. Dan rujuk juga Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, Jld. 4, h. 53.

⁵¹ Rujuk Abū Ubaid, *al-Amwāl*, (ed. Muḥammad Khalīl Harrās), Dār al-Shurūq, Kaherah, cetakan pertama, 1388/1968, h. 563, 564 & 565.

⁵² Rujuk al-Zarqānī, *Sharḥ al-Muwatta' al-Imām Mālik*, j. 2, h. 315.

Perbezaan bidang pencurahan tenaga itu, sebenarnya tidak dapat dijadikan asas untuk menentukan satu harta itu diwajibkan zakatnya dan satu harta yang lain tidak diwajibkan zakatnya. Ini dapat kita lihat dengan membuat perbandingan di antara bidang pertanian dan perniagaan, kalau kita membuat penelitian dalam perbandingan ini, kita mendapati bahawa zakat diwajibkan dalam kedua-dua bidang itu ialah kerana setiap satunya merupakan kegiatan yang mendatangkan pendapatan bagi seseorang itu, walaupun bidang pencurahan tenaga dalam kedua-dua bidang berkenaan adalah berbeza.

OBJEKTIF PENSYARATAN HAUL

Kita ingin menekankan bahawa tidak mensyaratkan haul ke atas nisab gaji dan pendapatan bebas sebagaimana yang kita kemukakan adalah selaras dengan objektif pensyaratian haul.

Fuqahā' telah menjelaskan bahawa objektif dari pensyaratian haul itu ialah untuk pengembangan (namā') sesuatu harta itu sebelum ianya diwajibkan zakatnya, maka oleh kerana biji-bijian dan buah-buahan (hasil pertanian) itu merupakan pengembangan (namā') pada zatnya sendiri, ia tidak disyaratkan haul ke atas nisabnya, zakatnya wajib dikeluarkan ketika penghasilannya.⁵³ Kriteria ini wujud dalam kedudukan yang sama pada gaji dan pendapatan bebas.

SESUAI DENGAN KONSEP PENSYARIATAN ZAKAT

Di akhirnya kita menjelaskan bahawa tidak mensyaratkan haul ke atas nisab gaji dan pendapatan bebas adalah sesuai dengan konsep dan roh pensyariatan zakat itu sendiri, ini dapat kita lihat seperti berikut:

- i. Tidak mensyaratkan haul ke atas nisab gaji dan pendapatan bebas dapat menghilangkan keraguan tentang konsep pensyariatan zakat, keraguan itu berbangkit dari pertentangan dalam pensyaratian haul, iaitu; bagaimana kita mewajibkan zakat ke atas petani yang memiliki nisab sebanyak 363 gantang (nilaian lebih kurang \$400.00), tanpa mensyaratkan haul, dan kita mensyaratkan haul kepada mereka yang makan gaji dan berusaha sendiri, yang akibatnya mereka yang berpendapatan yang jauh lebih baik dari petani terlepas dari tanggungan membayar zakat yang sebenarnya.
- ii. Tidak mensyaratkan haul ke atas nisab gaji dan pendapatan bebas adalah sesuai dengan konsep keadilan dalam pensyariatan zakat, iaitu penanggungan setiap mereka yang mampu dalam memenuhi biaya ekonomi kemasyarakatan.

⁵³ Rujuk Mansūr Yūnus al-Bahūtī, *al-Rawd al-Murabba'*, h. 107.

iii. Tidak mensyaratkan haul ke atas nisab gaji dan pendapatan bebas, sesuai dengan kepentingan mereka yang memerlukan bantuan sosio ekonomi dan tidak pula memberatkan mereka yang menanggungnya.

d. *Kadar (Peratus) zakat yang wajib dikeluarkan:*

Kadar zakat yang wajib dikeluarkan dari gaji dan pendapatan bebas ialah 2.5% dari jumlah yang wajib dikenakan zakat ke atasnya.

Kadar zakat sebanyak 2.5% ini adalah berpandukan kepada kadar zakat emas atau perak, amalan ini kita lakukan kerana gaji dan pendapatan bebas itu kita terima dalam bentuk mata wang=nilai emas.

Sekarang kita kemukakan satu contoh penyelesaian dalam konteks masyarakat setempat, iaitu bagi seorang yang kedudukannya seperti berikut:—

Gajinya	\$1,000.00 sebulan
---------	--------------------

Tanggungan sebulan:⁵⁴

a. Tanggungan utama	...
b. Tanggungan sebenar	...
c. Tanggungan biasa	... \$200.00

Dengan kedudukan bahawa kadar zakat adalah ditolak dari kadar cukai,⁵⁵ maka penyelesaiannya adalah seperti berikut:—

Peringkat I: Kadar Zakat Andaian

Gaji: \$1,000.00 x 12	\$12,000.00
Tolak tanggungan \$200.00 x 12	\$ 2,400.00
Kadar dikenakan zakat sebelum tolak cukai	\$ 9,600.00
Kadar zakat andaian = 9,000 x 2.5	\$ 240.00

Perengkat II: Kadar Cukai Asal

Gaji: \$1,000.00 x 12	\$12,000.00
Tolak potongan untuk:	
Diri	\$2,000.00
Pendapatan tenaga	\$1,000.00

⁵⁴Rujuk kajian ins h. 5, 6 & 7.

⁵⁵Rujuk Cukai Pendapatan (Malaysia) J/1/1978, Kod 049

Isteri		\$ 1,000.00
Anak-anak		\$ 1,750.00
K.W. Simpanan	\$ 720.00	\$ 6,470.00 ⁵⁶
Gaji yang dikenaka cukai		\$ 5,530.00
Cukai yang dikenakan:		
\$ 5,000.00	\$ 375.00	
530.00	\$ 63.00	\$ 438.60

Perengkat III: Kadar Zakat Sebenar:—

Jumlah yang dikenakan zakat sebenar:—

$$\$9,600.00 - (\$438.60 - \$240.00)$$

\$9,600.00 - \$198.60 \$9,401.40

Kadar zakat sebenar = $9,401.44 \times 2.5 = \dots \dots \dots$ \$ 236.71
100

Perengkat IV

Cukai sebenar = \$438.60 - \$236.71 =\$201.89

Dari penyelesaian ini jelaslah kepada kita bahawa dalam situasi percukaian sekarang ini, tidaklah berbangkit masalah tanggungan lebihan yang ditanggung oleh sesorang muslim jika dibandingkan dengan orang bukan Islam.

PENUTUP

Dalam penutup ini kita ingin menekankan bahawa zakat gaji dan pendapatan bebas kalau dapat dilaksanakan dengan baik mengikut struktur yang telah kita kemukakan, maka ia merupakan satu sumber zakat yang begitu baik.

Perbincangan ini sebenarnya termasuk dalam kajian lanjutan kepada kajian ini, iaitu yang berhubung dengan *fungsi zakat gaji dan pendapatan bebas*, ia memerlukan survey, maka ia kita lakukan secara berasingan.

Maka apa yang kita maksudkan di sini, ialah memberikan satu gambaran awal yang dapat memberikan satu penjelasan atas berkenaan kedudukan zakat gaji dan pendapatan bebas sebagai satu sumber kumpulan zakat yang boleh menjalankan fungsi yang besar.

- Kita bermaksud, bahawa kedudukan gaji dan pendapatan bebas dalam masyarakat setempat dan yang seumpamanya, boleh menghasilkan kadar

⁵⁶ Ibid, Kod-Kod:- 022, 023, 024, 026 & 027.

kumpulan zakat yang besar, yang mampu menjalankan sebagian yang begitu besar dari fungsinya bagi membentuk sosio ekonomi masyarakat.

Sebagai satu gambaran awal berhubung dengan persoalan ini, kita menyarankan bahawa kadar gaji yang boleh dilibatkan dengan zakat di Universiti Kebangsaan Malaysia dapat dianggarkan seperti berikut:—

- Kumpulan gaji yang berkenaan \$9,000,000/=⁵⁷
 - Kadar yang tidak dikenakan zakat 20%⁵⁸, \$1,800,000/=
 - Kadar yang dikenakan zakat \$7,200,000/=
 - Maka kadar zakat yang wajib dikeluarkan ialah
- $$\frac{7,200,000 \times 2.5}{100} = \$ 180,000/=$$

Kalau perlaksanaannya dilakukan dengan sempurna dan menyeluruh, maka kadar kutipan zakat di atas akan menjadi tidak kurang dari sepuluh kali ganda, kerana kita boleh mengutipnya dari beberapa sektor/institusi yang lain yang tidak kurang besarnya.

⁵⁷ Ini adalah kita sarankan setelah meneliti *kalender Universiti Kebangsaan Malaysia*, 1978/1979, dan *Syarat-Syarat Peraturan Perkhidmatan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar, pada Oktober 1978. Kalau dibuat kajian tentang data-data yang berkenaan dengan terperinci, maka kita yakin bahawa kadar yang kita kemukakan di atas tidak berbeza jauh dengan kadar sebenar yang akan diperolehi dari penelitian dan kajian secara terperinci itu.

⁵⁸ Lihat kajian ini, h. 5, 6, 7, 8 & 17.

BIBLIOGRAFI

1. Al-Qurān al-Karīm.
2. al-Jaṣṣāṣ, Abū Bakr al-Rāzī, *Aḥkām al-Qurān*, (ed. Muhammad al-Ṣādiq Qamḥāwī), Dār al-Muṣṭafā, Kahirah, tanpa tarikh, j. 4.
3. al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ, Idārat al-Tibā'ah al-Munīriyyah, Mesir, tanpa tarikh, j. 2.
4. Abū Da'ud, *Sunan*, Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa-Aulādīh, cetakan I, 1371h/1952 m., j. 1.
5. al-Tarmidhī, *al-Jāmi'* al-Ṣaḥīḥ, Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa-Aulādīh, Mesir, cetakan I, 1356h/1937 M., j. 3.
6. Ibn Majah, *Sunan*, Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, Mesir, 1372h/1952m, j.1.
7. al-Zarqānī, Abu 'Abdullah Muḥammad Abd. Baqī bin Yūsuf, *Sharḥ Muwaṭṭa' Imām Mālik*, Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādīh, Mesir, cetakan I, 1381h/1961m, j. 2.
8. al-Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad, *Nayl al-Awṭar*, Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādīh, Mesir, cetakan terakhir, j. 4.
9. Ibn Hajar, al-'Asqalānī, Shahab al-Dīn, *Tabdīb al-Tabdīb*, Dār Ṣādir, Beirut, 1968m. j. 2.
10. al-Dhababī, Abū Abdullāh Muḥammad bin 'Uthmān, *Mīzām al-I'tidāl* (ed. Muḥammad 'Alī al-Bajāwī) Maṭba'ah 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī 1382h/1963m., j. 1.
11. Abū 'Ubaid, al-Qāsim bin Salām, *al-Amwāl*, (ed Muḥammad Khalīl Harrās) Dār al-Shurūq, Kaherah, cetakan 1, 1388h/1968m.
12. al-Bahūtī, Maṇṣūr Yūnus, *Al-Rawḍ al-Murabba'* Al Maṭba'ah al-Salafiyyah, Kahirah, cetakan VII, 1392h.
13. al-Qāsimī al-Dimashqī, Muḥammad Jamāluddin, *Qawā'id al-Tabdīb min Funūn Maṣṭalah al-Ḥadīth*, (ed. Muḥammad Bahjat al-Baitar, Matba'ah 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Shuraka'ih' Masir; cetakan II, 1380h/1961.
14. al-Kāṣānī 'Alā' al-Dīn Abī Bakar bin Mas'ūd, *Bādā'i' al-Sanā'i'* Matba'ah sharikat al-Matbū'āt al-'Ilmiyyah, Kahirah, cetakan 1, 1327h, j. 2.
15. Yūsuf al-Qardāwī, Fiqh al-Zakāt, Matba'ah Dār al-Qalam, Beirut, cetakan 1, 1393h/1973m. jld. 1.
16. Dr. Shauqi Ismail Shahātah, *Muḥāsabat Zakāt al-Amwāl 'Ilman wa 'Amalan*, edaran; Maktabah Englo al-Misriyyah, cetakan 1, Kahirah, 1970m.
17. Majlis Agama Islam Selangor, *Borang Z/H 2/74*.

18. Cukai Pendapatan Malaysia, J/1/1978.
19. Kalender Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977/1978.
20. *Syarat-syarat dan Peraturan Perkhidmatan* Universiti Kebangsaan Malaysia, diterbitkan oleh Pejabat Pendaftar, pada Oktober 1978.